

Janji Pak Lah, prestasi ekonomi diyakini rakyat

BH - 3/3/2008

Kajian dapati pengundi yakin BN mampu laksana manifesto

PILIHAN RAYA UMUM KE-12



Oleh Mohd Azis Ngah

KUALA LUMPUR: Kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya 2004 banyak dibantu faktor kepercayaan rakyat terhadap janji Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melalui manifesto BN dan kesan peningkatan ekonomi negara.

Kaji selidik oleh Merdeka Center dengan sokongan *New Straits Times* (NST) mendapati faktor itu menyumbang kepada 54 peratus kejayaan BN meneruskan pemerintahan.

Manifesto terbaru BN untuk pilihan raya 2008 juga dilihat mampu meyakinkan rakyat untuk terus menyokong kepemimpinan Abdullah.

Kedua-dua faktor itu masing-masing menyumbang kepada 27 peratus daripada soal selidik mengenai rahsia serta faktor kemenangan BN. Ia berkait rapat dengan manifesto BN yang menumpukan kepada pembangunan ekonomi sama rata dan seimbang untuk dinikmati semua lapisan rakyat.

Selain itu kemenangan kerajaan BN disebabkan sokongan daripada pihak yang berkaitan langsung dengan parti komponen BN terdiri daripada ahli parti, iaitu 24 peratus.

Kaji selidik bertajuk *Perspektif Isu, Ekonomi, Kepimpinan dan Pilihan Raya 2008* itu membabitkan 1,024 responden di seluruh negara mewakili pelbagai kaum, latar belakang pendidikan, ekonomi, jantina dan umur.

Kajian pendapat melalui temu ramah melalui telefon itu dilakukan tiga hari bermula 23 hingga 27 Februari lalu membabitkan pengundi berdaftar berusia 21 tahun ke atas dan mengundi di kawasan Parlimen berbeza.

Sebahagian besar responden berpendapat negara berada di landasan tepat untuk meneruskan kecemerlangan dan kepercayaan itu makin meningkat kepada 68 peratus pada akhir bulan lalu berbanding 63 peratus sejak Disember 2007.

Pengundi juga meluahkan kebimbangan mengenai kenaikan harga barang dan inflasi agak tinggi tetapi terkawal serta meminta kerajaan memperbaiki kawalan harga agar tidak membebankan rakyat.

Mengenai peluang pekerjaan, responden semakin meningkat berbanding 45 peratus pada Disember lalu dan menurun kepada 44 peratus sehari selepas penamaan calon sebelum kembali meningkat kepada 50 peratus dalam tempoh kajian.


Soal selidik mengenai keperluan suara pembangkang di Parlimen mendapati sebanyak 69 peratus bersetuju pembangkang diberikan lebih hak, tetapi tidak berhasrat mengundi pembangkang.

Responden berpendapat antara isu utama yang perlu diberi perhatian kerajaan ialah kenaikan harga barang serta kos sara hidup tinggi terutama di bandar (30 peratus), manakala 13 peratus merasakan isu keselamatan dan jenayah memberi kesan besar dalam kehidupan harian.

Isu membabitkan bantahan Barisan Bertindak Hak-hak Hindu (Hindraf) hanya mendapat perhatian satu peratus responden, sama seperti isu kemasukan pendatang haram, kele-

INFO

Alasan diberikan atas kemenangan BN pada 2004



mahan pentadbiran, masalah pendidikan serta pertelingkahan atau perbezaan pendapat antara parti politik.

Mengenai tahap penyelesaian masalah kepentingan rakyat, 46 peratus merasakan kerajaan berjaya menyelesaikan isu berkaitan ekonomi diikuti masalah sosial dan moral (41 peratus), keselamatan awam dan jenayah (31 peratus), isu bangsa dan agama (28 peratus) dan kenaikan har-

ga barang serta kos sara hidup (25 peratus).

Kerajaan Terengganu di bawah pimpinan Datuk Seri Idris Jusoh mendapat sokongan paling tinggi (35 peratus) dari aspek prestasi serta sokongan padu sebagai Menteri Besar dan Ketua Menteri diikuti Kelantan (31 peratus), Negeri Sembilan (29 peratus), Kedah (27 peratus), Melaka (23 peratus), masing-masing 20 peratus di Pahang dan Perlis.